

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN NGA KOR MING (TELUK INTAN)

TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN NGA KOR MING [TELUK INTAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci berapa jumlah bilangan kanak-kanak tanpa kerakyatan atau 'stateless children' dalam negara ini mengikut negeri dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kronik ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berhubung dengan rekod individu tanpa kewarganegaraan (*stateless*), adalah dimaklumkan bahawa Kementerian melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) hanya merekodkan status seseorang individu sebagai warganegara atau bukan warganegara berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa individu sewaktu kelahiran berlaku. Justeru itu, tiada individu yang direkodkan sebagai *stateless* di Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelahiran yang berlaku di Malaysia tidak menyebabkan seseorang individu memperoleh kewarganegaraan

SOALAN : 28

Malaysia secara automatik. Kewarganegaraan seseorang individu adalah ditentukan berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung individu berkenaan sewaktu kelahiran berlaku selaras dengan peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahtarafan anak, dan peraturan imigresen.

Bagi kelahiran yang berlaku sebelum pendaftaran perkahwinan ibu bapa mengikut perundangan negara, taraf kewarganegaraan kanak-kanak tersebut adalah mengikut taraf kewarganegaraan ibunya selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 17, Bahagian III, Jadual Kedua, Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, ibu bapa dan penjaga kepada kanak-kanak berkenaan bertanggungjawab sepenuhnya untuk menguruskan kewarganegaraan, dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan negara asal bagi memastikan kanak-kanak ini masih boleh menggunakan keistimewaan negara asal ibunya seperti boleh memohon dokumen perjalanan negara asal ibunya sekaligus mengelakkan kanak-kanak berkenaan tiada dokumen pengenalan diri, keberadaan tidak sah di Malaysia dan seterusnya disalah anggap sebagai tidak memiliki kewarganegaraan dari mana-mana negara (*stateless*).

Bagi individu warga asing atau bertaraf bukan warganegara yang berhasrat untuk memohon kewarganegaraan Malaysia, mereka boleh mengemukakan permohonan untuk memperoleh kewarganegaraan Malaysia sama ada melalui pendaftaran atau penaturalisasian, jika telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan perundangan yang berkaitan dengan pendaftaran perkahwinan, pendaftaran kelahiran serta lain-lain perundangan berkuatkuasa. Sukacita diingatkan bahawa syarat-syarat ini hanya melayakkan permohonan dikemukakan dan tidak menjamin bahawa ia akan diluluskan.